

Pembelajaran sepanjang hayat di KUIM

PEMBELAJARAN Sepanjang Hayat merupakan pelaksanaan pelbagai aktiviti pembelajaran yang boleh diikuti ke akhir hayat dengan tujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keterampilan kepada individu, masyarakat dan alam pekerjaan.

Agama Islam sendiri amat menggalakkan setiap umatnya menuntut ilmu sepanjang hayat, dan institusi pondok yang subur di negeri-negeri pantai timur dan utara semenanjung dalam dekad-dekad awal sebelum perang telah melaksanakan konsep pendidikan ini.

Menyedari hakikat ini Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah mengambil inisiatif menubuhkan Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan melantik pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Mushaddad Hasbullah sebagai penyelar. Unit yang masih baru ini telah berjaya menganjurkan kursus imam-imam muda negara China seramai 30 orang selama sebulan bermula pada Oktober lalu.

Unit ini juga sedang mengorak langkah memperkenalkan pelbagai program bagi manfaat masyarakat dari masa ke semasa. Untuk itu, pada semester kedua sesi 2006/2007, unit ini melalui Fakulti Syariah dan Undang-Undang akan menawarkan Sijil Un-

dang-undang Keluarga Islam dan Masyarakat.

Pendidikan kekeluargaan

Perhubungan lelaki dan wanita secara sah melalui perkahwinan adalah asas kepada kehidupan. Mereka membentuk keluarga yang kemudian mewujudkan masyarakat.

Hubungkait ini telah menyebabkan isu berkaitan keluarga, kekeluargaan dan masyarakat bukan sahaja saling bersangkutan bahkan kesempurnaan dan kepincangan akan mencetuskan implikasi sosial kepada setiap unit, sama ada keluarga kepada masyarakat mahupun daripada masyarakat terhadap keluarga.

Idealnya, sesebuah keluarga akan membenkan perlindungan, penjagaan, persaudaraan dan persahabatan, keselamatan dan tapak untuk setiap ahli menjalani proses sosialisasi. Struktur keluarga, cara ia berfungsi dan berinteraksi serta tindak balas keluarga dengan masyarakat bergantung kepada nilai yang menjadi landasan pembinaannya. Ini dipengaruhi banyak perkara termasuk faktor agama dan kemanusiaan.

Pentingnya unit keluarga di dalam masyarakat sama penting dengan oksigen kepada manusia. Pencemaran

udara memberikan kesan kepada manusia seperti mana kepincangan keluarga mendatangkan kebejatan moral dan kehidupan komuniti manusia.

Seorang suami dan bapa yang berilmu dan tahu peranannya dalam keluarga tentulah lebih berfungsi daripada suami atau bapa yang dangkal pengetahuannya.

Menyedari hakikat ini, dengan mengambil kira kepentingan dan peranan ilmu berkaitan keluarga, kekeluargaan dan masyarakat, kursus dalam bidang ini dilihat sebagai satu komponen yang relevan di dalam meningkatkan kualiti hidup berkeluarga seterusnya menyumbang kepada pembangunan masyarakat berilmu dan beramal.

Penuntut akan mendapat input menyeluruh berkaitan konsep keluarga dan kekeluargaan serta masyarakat dan pembinaan masyarakat, prinsip-prinsip asas dan utama di dalam fiqh mu-nakahat dan isu-isu sosial dalam keluarga dan masyarakat seperti penderaan kanak-kanak, keganasan rumah tangga, isu kesihatan keluarga seperti Aids dan HIV, gejala penagihan dan penyalahgunaan dadah, masalah juvana, reproduksi dan institusi-institusi berkaitan keluarga, kanak-kanak dan wanita.

Penuntut lepasan Sijil Pelajaran Ma-

laysia (SPM), pegawai di Jabatan Agama Islam dan jabatan-jabatan serta agensi lain yang melibatkan hal-hal kekeluargaan, Penghulu, jawatankuasa masjid dan orang ramai merupakan golongan sasaran kursus ini.

Mereka yang berminat dan ingin mengetahui objektif, justifikasi pemilihan, subjek yang ditawarkan, syarat kelayakan, yuran, jangkamasa program dan waktu pembelajaran boleh memperoleh borang permohonan menerusi laman web KUIM di alamat <http://www.kuim.edu.my>.

Semua borang boleh diemelkan ke alamat najihah@admin.kuim.edu.my atau mushaddad@admin.kuim.edu.my atau faksimili ke 06-798 8238 atau pos ke alamat:

Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat
Pusat Pengajian Umum
Kolej Universiti Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai

71800, Nilai, Negeri Sembilan
Kepada sesiapa yang sukar untuk mendapatkan borang melalui laman web, pihak KUIM bersedia untuk menghantarkan borang kepada yang berminat melalui pos, anda boleh menghubungi talian 06-798 8690/8589/8577, 019-2813112 (Mushaddad), 012-3579343 (Najihah) dan 012-2551656 (Sapora).